KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN OKTOBER

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TAHUN 2024

TARIKH/MASA:

09 OKTOBER 2024 (RABU)

8:30 PAGI

LOKASI:

AUDITORIUM WISMA FELCRA

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Setelah hampir dua tahun tertubuhnya Kerajaan Perpaduan, kita menyaksikan perkembangan yang amat positif - terutamanya dalam aspek pertumbuhan ekonomi. Kejayaan ini dipacu oleh keberkesanan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan, pengukuhan pelaburan dan perdagangan; serta kestabilan politik yang berjaya diwujudkan.

2. Saya percaya matlamat Kerajaan untuk Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi juga kini berada di landasan yang tepat. Semalam, Bank Dunia meningkatkan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia kepada 4.9 peratus untuk tahun ini daripada ramalan awal 4.3 peratus sebelum ini.

3. Nilai ringgit juga menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Pada bulan Julai 2024, ringgit meningkat sebanyak 2.5 peratus berbanding USD, jauh mengatasi prestasi Dolar Singapura, Baht, dan Rupiah - yang hanya mencatatkan peningkatan purata 1 peratus.

4. Jumlah pelaburan yang diluluskan juga melonjak kepada RM160 bilion pada separuh pertama tahun ini, meningkat 18 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023. Nilai dagangan turut mencatatkan peningkatan sebanyak 18.6 peratus pada Ogos, tertinggi dalam tempoh 22 bulan, sementara inflasi menurun kepada 1.9 peratus dan kadar pengangguran stabil pada 3.3 peratus, dengan 190 ribu peluang pekerjaan dicipta pada suku kedua tahun ini.

5. Pelaburan besar daripada lima firma teknologi dunia.. N.vidia, Google, Microsoft, Amazon, dan Infineon - yang telah mengumumkan komitmen pelaburan berjumlah USD$20.2 bilion, menjadi pemangkin kepada lebih banyak pelaburan dalam negara.

6. Masih banyak lagi pencapaian cemerlang yang kita boleh banggakan sebagai rakyat Malaysia. Bursa Malaysia mencatatkan kenaikan, nilai dagangan melonjak, rizab

Bank Negara Malaysia meningkat, penyeludupan diesel berjaya dikekang, dan banyak lagi.

7. Saya menyebut kejayaan-kejayaan ini kerana saya percaya penjawat awam, khususnya di KKDW adalah sebahagian daripada kecemerlangan ini. Saya mahu warga KKDW gunakan anjakan ini untuk kita manfaatkan segala peluang yang ada.

8. Menghampiri suku terakhir tahun 2024, kita perlu memastikan segala perancangan awal tahun ini membuahkan hasil. Kita mesti membuktikan bahawa KKDW kekal antara Kementerian terkehadapan dalam Kerajaan Perpaduan tahun ini.

TRANSFORMASI DESA : KOLABORASI STRATEGIK UNTUK PEMBANGUNAN HOLISTIK

Hadirin sekalian,

9. Untuk mencapai ke arah itu, saya mahu agensi-agensi di bawah KKDW melihat agenda pembangunan desa dalam ruang lingkup yang lebih besar. Kita mesti memanfaatkan kepakaran yang ada di setiap agensi bagi melaksanakan program-program pembangunan desa yang lebih holistik dan berkesan.

10. Dalam menghadapi cabaran yang semakin kompleks, seperti kekangan sumber dan kemajuan teknologi - kita tidak boleh berasa selesa melakukan yang hakiki atau terus melakukan rutin biasa. Salah satu langkah yang saya sarankan adalah **Collaborative Framework** atau **Rangka Kerja Kolaboratif** yang menumpukan kepada **perkongsian sumber, pengetahuan, dan kepakaran untuk mencapai hasil yang optimum.**

11. Setiap agensi di bawah KKDW memainkan peranan yang penting dan saling melengkapi antara satu sama lain. FELCRA contohnya... memberikan tumpuan kepada pembangunan tanah dan pertanian luar bandar, MARA melahirkan usahawan dan memacu agenda pendidikan, KEMAS berperanan dalam pembangunan modal insan, JAKOA memperkasakan masyarakat Orang Asli, manakala RISDA menyokong pembangunan pekebun kecil.

12. Oleh itu, bagi memastikan kejayaan visi keseluruhan KKDW, **kita tidak boleh bergerak secara silo atau terasing**. Kerjasama strategik yang lebih erat antara Kementerian, Agensi, dan Lembaga Kemajuan Wilayah amat diperlukan.

13. Sebagai contoh, saya memuji usaha FELCRA Berhad dan JAKOA dalam membangunkan 52 projek Rancangan Orang Asli (ROA), melibatkan keluasan hampir 6,800 hektar dan memberi manfaat kepada kira-kira 2,100 peserta Orang Asli.

14. Melalui kerjasama seperti ini, JAKOA dan FELCRA mampu menyediakan latihan dalam bidang pertanian moden dan teknologi kepada masyarakat Orang Asli. Saya yakin dengan penglibatan tambahan dari agensi seperti MARA, kita berpotensi menawarkan latihan keusahawanan yang membolehkan mereka membangunkan perniagaan yang lebih mampan. Ini adalah **Collaborative Framework** yang saya maksudkan dan jika kita dapat laksanakannya ia pasti akan memberikan impak yang lebih besar kepada seluruh masyarakat desa.

15. Tambahan itu, bagi mewujudkan pembangunan desa yang lebih holistik... saya mahu penggunaan **Dashboard Komuniti Desa** disegerakan dan dimanfaatkan sepenuhnya bagi membolehkan akses kepada maklumat pertanian, pendidikan, latihan keusahawanan, dan bantuan dapat dipercepatkan dan diperkasakan.

16. Saya juga ingin melihat **Dashboard Komuniti Desa** dimanfaatkan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta JPKKP. Saya yakin dengan penggunaan *dashboard* mereka akan lebih aktif, efektif dan menjalankan kerja dengan lebih berkesan.

KOLABORASI DENGAN SYARIKAT SWASTA

Hadirin dan hadirat sekalian,

17. Selain kerjasama antara agensi Kerajaan, kerjasama di antara sektor swasta juga memainkan peranan yang kritikal dalam memacu pembangunan luar bandar. Kolaborasi ini bukan sahaja mampu menggalakkan inovasi, malah mempercepatkan proses pembangunan dan mencapai hasil yang lebih berkesan. Penglibatan sektor swasta turut dapat mempercepatkan pembangunan dengan memanfaatkan kepakaran teknologi, modal, dan akses kepada pasaran yang lebih luas.

18. KKDW sendiri telah bekerjasama dengan pelbagai syarikat swasta dalam melaksanakan projek-projek berimpak tinggi. Sebagai contoh, kerjasama RISDA dengan Alliance

Concord Green Sdn Bhd (ACG) dalam projek biogas mampu menjana tenaga boleh diperbaharui yang memberi manfaat kepada ribuan isi rumah luar bandar, sekali gus membuka peluang ekonomi bagi usahawan tempatan.

19. Kolaborasi pintar di antara FELCRA Berhad dengan Cenergi SEA Sdn Bhd, sebuah syarikat yang pakar dalam Tenaga Boleh Diperbaharui juga telah berjaya membina kilang janakuasa biogas daripada efluen sawit dengan grid bersambung berkapasiti 5.5 megawatt (MW) - yang terbesar di Malaysia yang terletak di Jerantut.

20. Dalam sektor perkhidmatan pula, kerjasama dengan platform e-dagang seperti Shopee, Lazada, dan TikTok membuka peluang besar kepada usahawan desa untuk memasarkan produk mereka ke pasaran yang lebih luas. Produk kraftangan, makanan tradisional, dan hasil pertanian desa kini boleh dipasarkan secara digital.

21. Usaha sebegini bukan sahaja membantu meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, malah turut merapatkan jurang digital antara bandar dan desa. Contohnya, kejayaan ini dapat dilihat pada anak Orang Asli Nur Rafidah Man, juga dikenali sebagai "The Jungle Girl", yang berjaya menjana jualan minyak khasiat sehingga mencecah RM1 juta dalam seminggu melalui platform TikTok.

22. Oleh itu, saya menyeru kepada semua agensi di bawah KKDW untuk terus proaktif dalam menjalin hubungan dengan sektor swasta. Kita perlu melihat sektor swasta sebagai rakan strategik dalam mencapai matlamat pembangunan desa yang kita hasratkan.

23. Beberapa cadangan awal yang boleh dikembangkan dalam jalinan kerjasama dengan pihak swasta termasuklah:

    a) Pertama, KKDW boleh melancarkan ***bootcamp*** **literasi digital intensif melalui KEMAS**, yang melengkapkan belia luar bandar dengan kemahiran seperti *coding*, pemasaran digital, atau *cybersecurity*. Bootcamp ini boleh dijalankan dengan kerjasama *tech-firm* bagi mempersiapkan belia untuk pekerjaan masa depan, mengurangkan jurang digital luar bandar-bandar, dan memupuk nilai keusahawanan.

    b) Kedua, saya mahu KKDW bekerjasama dengan syarikat pelancongan, hotel, dan agensi pelancongan untuk mempromosikan pengalaman pelancongan luar bandar yang menonjolkan tradisi tempatan, kraf tangan, dan eko-pelancongan. Institusi swasta dapat membantu menarik pelancong ke desa dan meningkatkan pendapatan

tambahan untuk komuniti. Kolaborasi dengan platform seperti Air-B.N.B dan Agoda juga akan membantu memasarkan homestay atau rumah-rumah kampung yang sedia ada, menarik lebih ramai pengunjung ke perkampungan desa.

KEMANDIRIAN AGENSI KERAJAAN: USAHA KE ARAH BERDIKARI

Hadirin sekalian,

24. Kita sedar bahawa dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai agensi Kerajaan, kita sememangnya bergantung kepada peruntukan yang disediakan. Namun, dalam situasi ekonomi global yang tidak menentu, adalah **penting bagi setiap agensi di bawah KKDW untuk mengorak langkah ke arah kemandirian**.

25. Perkara telah saya lontarkan awal tahun yang lalu iaitu menukar **hala tuju daripada berpaksikan *cost center* kepada *profit center entities.*** Namun saya ulangi gesaan ini agar kita ***stay focus*** dan mencari jalan untuk berdikari dan menjana pendapatan sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada peruntukan Kerajaan semata-mata.

26. Kejayaan FELCRA mengumumkan **Jumlah Keuntungan Boleh Agih Interim 2 sebanyak RM129 juta dengan**

peningkatan hampir RM82 juta atau 168% berbanding tahun lalu adalah usaha mencipta kemandirian agensi Kerajaan.

27. Saya juga berbangga melihat usaha FELCRA dalam meneroka pelbagai peluang perniagaan berkaitan sektor pertanian dan pembangunan luar bandar telah membuka ruang kepada sektor-sektor seperti bioekonomi, tenaga boleh diperbaharui, dan pengeluaran produk berasaskan sumber semula jadi. Sektor-sektor ini menawarkan potensi besar untuk menjana pendapatan tambahan dan meningkatkan ekonomi komuniti luar bandar.

28. MARA pula boleh memperkukuh **inisiatif pendidikan dan latihan berorientasikan perniagaan** - dengan membuka peluang menjana pendapatan melalui kursus dan program latihan yang inovatif serta relevan dengan keperluan pasaran semasa.

29. RISDA saya sarankan memperkenalkan **produk pertanian premium untuk pasaran antarabangsa**, sekaligus meningkatkan nilai tambah kepada hasil pekebun kecil dan meningkatkan daya saing mereka di peringkat global.

30. *We must push beyond boundaries and think beyond limits!* Ya, kita adalah agensi di bawah Kerajaan, namun

seharusnya mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan Kerajaan semata-mata. Kita berupaya membina sebuah organisasi berprestasi tinggi yang mampu melaksanakan lebih banyak projek pembangunan yang memberi manfaat besar kepada masyarakat desa.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

31. Apa pun usaha kita di KKDW, matlamat kita adalah satu - memastikan pembangunan desa memberikan impak positif kepada masyarakat. Saya menggesa kita semua untuk memberi tumpuan kepada kepuasan pelanggan, agar kita dapat terus memperbaiki gerak kerja kita.

32. Kepuasan pelanggan mencerminkan keperluan dan harapan masyarakat. Dengan mendengar dan memenuhi kehendak mereka, kita dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam melonjakkan pembangunan desa.

33. Jadikan Aspirasi Desa Madani yang saya perkenalkan sebagai panduan untuk memastikan transformasi desa menjadi contoh teladan bukan sahaja di dalam negara tetapi di peringkat serantau, terutamanya menjelang Persidangan ASEAN tahun depan.

34. Dengan komitmen dan dedikasi yang tinggi, kita mampu mencapai kejayaan yang lebih besar dan terus memainkan peranan penting dalam memajukan masyarakat desa.

Sekian, terima kasih.